

Penilaian Model Pola Komunikasi Keluarga Menerusi Analisis Faktor Pengesahan (AFP): Kajian Di Malaysia

Aziyah Abu Bakar*

Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM), Malaysia

Asyraf Afthanorhan

Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Mohd Nazri Ibrahim

Abd Rauf Ridzuan

Dzaa Imma Abdul Latif

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Corresponding email: aziyahphd137@gmail.com

Abstrak

Kajian berkaitan komunikasi keluarga telah berkembang lebih dari 30 tahun yang lalu. McLeod dan Chaffee adalah penyelidik yang membangunkan instrumen pola komunikasi keluarga pada tahun 1972. Ritchie dan Fitzpatrick telah menyemak semula instrumen tersebut pada tahun 1990 dan menamakannya sebagai Revised Family Communication Patterns (RFCP). Sebenarnya RFCP adalah lanjutan dari Family Communication Patterns (FCP) apabila item-item ditambah bagi mengukur pola komunikasi dalam keluarga. Walaupun instrumen ini sering digunakan berkali-kali oleh para penyelidik tempatan mahupun luar negara, namun adalah penting untuk menguji instrumen ini pada lokasi dan responden yang berlainan. Kajian ini bertujuan melihat kesahan dan kebolehpercayaan instrumen RFCP dengan menggunakan analisis Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) dan Analisis Faktor Pengesahan (AFP). Dapatan kajian menunjukkan faktor RFCP adalah sesuai dikaji bagi menentukan pola komunikasi keluarga. Beberapa item juga telah dikenalpasti berkualiti bagi mengukur faktor tersebut.

Kata Kunci: Komunikasi Keluarga, Instrumen Pola Komunikasi Keluarga (FCP), Revised Family Communication Patterns (RFCP), analisis SPSS, analisis CFA.

Pengenalan

Komunikasi dalam keluarga adalah aspek yang penting dan utama dalam menentukan kelangsungan sesebuah keluarga itu agar mencapai kebahagiaan atau sebaliknya (Braithwaite *et. al.*, 2003). Banyak kajian mengenai kekeluargaan mendapati kepincangan dalam sesebuah keluarga itu terjadi apabila aspek komunikasi tidak dapat berfungsi dengan baik (Rozumah *et. al.*, 2005; Nuredayu *et. al.*, 2004; Crespi *et. al.*, 2002; Allison & Schultz, 2004). Lantaran itu, banyak konflik dalam keluarga berlaku dan memberi implikasi dengan adanya masalah tingkah laku anak-anak akibat berasa tidak bahagia dalam keluarga (Crespi *et. al.*, 2002). Menurut Jusang (2006), komunikasi keluarga berperanan dalam membentuk sahsiah diri dan peribadi anak-anak. Cara bagaimana anak-anak membawa diri dalam masyarakat adalah mengikut apa yang dicerna mereka berdasarkan asuhan yang diterima daripada keluarga mereka. Apabila berkomunikasi dengan ibu bapa maka anak-anak akan diberitahu tentang tanggungjawab mereka sebagai anak, rakan sebaya, pelajar, ahli masyarakat, pekerja, suami atau isteri dan juga sebagai ibu dan bapa (Narimah, 2008). Anak-anak adalah cerminan kepada ibu bapa mereka. Oleh yang demikian, corak komunikasi dalam keluarga perlu menekankan komunikasi yang dapat mewujudkan rasa harmoni di antara setiap ahli keluarga. Hasilnya, anak-anak akan berinteraksi dengan tingkah laku yang mempamerkan mereka telah diasuh dengan baik (Aziyah, 2008).

Sejajar dengan pandangan tersebut, beberapa sarjana daripada pelbagai bidang ilmu seperti psikologi dan pendidikan yang turut membincangkan aspek keluarga telah menyatakan bahawa komunikasi adalah elemen utama yang akan menentukan sama ada sesebuah keluarga itu dapat berfungsi dengan baik atau sebaliknya (Baxter *et. al.*, 2005; Fingerson, 2005; Knafo *et. al.*, 2003; White *et. al.*, 2004). Menurut Baxter *et. al.*, (2005), keluarga yang berfungsi

adalah keluarga yang dapat mewujudkan persekitaran yang harmoni yang mana anggotanya akan berasa bahagia hidup bersama-sama. Sesungguhnya, persekitaran harmoni wujud daripada komunikasi yang diterapkan dalam keluarga apabila setiap ahli keluarga saling menyokong, mempercayai, menghormati, memberi galakan dan bertolak ansur. Hal ini disokong oleh Ballard-Reisch dan Weigel (2006) yang menyatakan komunikasi dalam keluarga adalah 'alat' yang boleh mengukur kebahagiaan dalam sesebuah keluarga.

Kajian berkaitan komunikasi dalam keluarga telah berkembang lebih tiga dekad yang lalu. McLeod dan Chafee, pelopor dalam kajian komunikasi keluarga menegaskan kepentingan komunikasi dalam keluarga untuk diukur. Oleh itu, terbinalah pengukuran pola komunikasi keluarga atau *Family Communication Pattern* yang akan diringkaskan sebagai FCP dalam makalah ini. Selain itu, pengukuran pola komunikasi keluarga telah dikembangkan oleh Ritchie dan Fitzpatrick pada tahun 1990 dan dikenali sebagai *Revised Family Communication Pattern* (akan diringkaskan sebagai RFCP). Banyak kajian tempatan dan luar negara telah menggunakan instrumen ini yang sekaligus membuktikan secara umumnya tahap keyakinan penyelidik terhadap instrumen ini adalah tinggi. Namun kajian ini dirasakan masih signifikan dilakukan bagi menguji instrumen ini pada latar lokasi dan responden yang berlainan. Kajian ini bertujuan untuk melihat kesahan dan kebolehpercayaan instrumen RFCP dengan menggunakan analisis perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dan *Conformity Factor Analysis* (CFA) terhadap pola komunikasi keluarga.

Sorotan Susastera

Pola komunikasi keluarga

Komunikasi adalah perkara asas dalam proses membentuk hubungan kekeluargaan (Koestan dan Anderson, 2004). Aziyah (2008) menyatakan komunikasi bukan sekadar satu cara berhubung tetapi turut berperanan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Misalnya, komunikasi dijadikan salah satu alat ukuran untuk mengetahui

sejauhmana hubungan interaksi di antara ahli keluarga dan setakat mana kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga dapat dicapai. Dalam konteks ini, Sulaiman (2002) menyatakan komunikasi yang berkesan amat penting dalam menjaga hubungan antara ahli keluarga dan membentuk tingkah laku serta sahsiah diri anak-anak.

Terdapat dua bentuk pola komunikasi keluarga iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakuran. Orientasi perbualan berlaku apabila keluarga menekankan komunikasi yang berbentuk dua hala. Dalam orientasi ini, ibu bapa memberi peluang kepada anak-anak untuk menyatakan pandangan dan bersama-sama membuat keputusan berkenaan dengan isu yang timbul dalam keluarga. Dengan kata lain, ibu bapa lebih bersikap mesra, bertolak ansur dan memberi sokongan pada anak-anak dalam sebarang kegiatan dan aktiviti yang ingin dilakukan oleh anak-anak mereka (Miller-Day, 2004). Orientasi keakuran pula merujuk kepada situasi apabila keluarga menekankan komunikasi yang berbentuk sehalu. Dalam orientasi ini, ibu bapa yang akan menentukan peraturan yang perlu dipatuhi oleh anak-anak. Dengan kata lain, ibu bapa lebih bersikap tegas, dingin, kurang ingin bekerjasama dan lebih menjaga air muka mereka (Ritchie et al., 1990).

Pada tahap awal kajian berkaitan komunikasi keluarga, McLeod dan Chaffee (1973) telah memperkenalkan dua dimensi pola komunikasi keluarga iaitu orientasi isu dan orientasi sosial. Ritchie dan Fitzpatrick (1994) telah memperkembangkannya dengan menambah beberapa item pada setiap dimensi pola komunikasi keluarga; masih lagi dalam konsep yang sama. Hasilnya orientasi perbualan dan orientasi keakuran telah diperkenalkan. Sementara orientasi keakuran merupakan orientasi sosial yang asal. Natiujahnya hingga ke hari ini, banyak kajian yang dilakukan berkaitan komunikasi keluarga adalah menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh McLeod dan Chaffee (1973), (Narimah, 1993) dan juga RF CP oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1994) (Koerner dan Cvancara, 2002; Zhang, 2007; Aziyah, 2012; Md. Salleh et al., 2011).

Dalam komunikasi keluarga, corak komunikasi atau pola yang diamalkan dalam sesebuah keluarga adalah amat penting kerana ia mempengaruhi persekitaran dan suasana dalam keluarga tersebut. Dengan kata lain, pola komunikasi yang diamalkan dalam keluarga akan menentukan sama ada keluarga itu akan mencapai kebahagiaan atau sentiasa dilanda konflik (Allison & Schultz, 2004; Crespi *et. al.*, 2002).

Koerner dan Fitzpatrick (2004) dalam perbincangan mereka mengenai komunikasi keluarga menegaskan bahawa 'pola' timbul daripada proses dalam interaksi apabila keluarga mencipta dan berkongsi hubungan sosial di antara mereka. Dengan kata lain, setiap keluarga mempunyai corak komunikasi yang di cipta sendiri. Corak komunikasi atau 'pola', dipengaruhi oleh falsafah, pegangan, kepercayaan, dan pandangan keluarga tersebut terhadap hidup ini. Oleh yang demikian setiap dapatan mengenai pola komunikasi keluarga pada setiap keluarga adalah berbeza di antara satu sama lain (Koestan & Fitzpatrick, 2004). Justeru, banyak kajian berkaitan dengan komunikasi keluarga semakin mendapat tempat utama kalangan pengkaji dari pelbagai bidang dan perspektif seperti psikologi, pendidikan, perubatan, ekonomi dan budaya (Ting-Toomey *et. al.*, 2000). Aspek budaya yang berbeza akan menentukan aspek yang ditekankan demi kesejahteraan dan keutuhan serta keharmonian hubungan dalam keluarga.

Banyak kajian terhadap keluarga Barat menunjukkan bahawa kebanyakan keluarga mengamalkan komunikasi berbentuk orientasi perbualan berbanding orientasi keakraban (Dumlao *et. al.*, 2000; Allison & Schultz 2004; Koerner *et. al.*, 2004; Bexter *et. al.*, 2005). Ibu bapa Barat lebih terbuka dari segi pandangan, bertolak ansur dan berkompromi dalam kebanyakan aktiviti dan kegiatan yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Hasilnya, anak-anak dalam keluarga Barat mempunyai keyakinan dan penyesuaian yang tinggi dalam kehidupan sosial mereka (Kelley *et al.*, 2002; Koerner *et. al.*, 2004; Wilson *et. al.*, 2004; Wood, 2004). Sebaliknya, dapatan terhadap kajian dalam keluarga di Asia khususnya di China dan India menunjukkan

kebanyakan keluarga lebih mengamalkan komunikasi berbentuk keakuran (Trubisky *et. al.*, 1991; Siu Man, 2002; Zhang *et. al.*, 2005; Zhang *et. al.*, 2007; Alpa Arora, 2010). Anak-anak dalam keluarga Asia lebih patuh dan akur dengan peraturan yang telah disediakan oleh ibu bapa mereka. Justeru itu, mereka mempunyai disiplin diri dan menunjukkan rasa hormat yang tinggi kepada orang yang lebih tua. Keadaan ini membentuk anak-anak yang bersopan dan sentiasa menjaga air muka keluarga (An Yun Long, 1999; Siu Man, 2002; Zhang *et. al.*, 2005; Zhang *et. al.*, 2007).

Data bagi keluarga di negara ini pula agak menarik untuk diperhalusi. Hasil kajian yang dilakukan dalam keluarga Malaysia pada tahun-tahun kebelakangan ini mendapati kebanyakan keluarga bandar di negara ini menggunakan orientasi perbualan dan orientasi keakuran pada kadar yang sama banyak (Aziyah, 2008; Narimah *et. al.*, 2008; Md Salleh *et. al.*, 2011). Keadaan ini menunjukkan bahawa ibu bapa telah memberi peluang dan bertolak ansur dalam kegiatan anak-anak mereka. Walau bagaimana pun, ibu bapa tetap mengenakan peraturan agar anak-anak terkawal tingkah lakunya demi kebaikan anak-anak itu juga.

Berdasarkan perbincangan tersebut, banyak kajian berkaitan memperlihatkan budaya dan falsafah dalam sesebuah keluarga itu mempengaruhi kelangsungan kehidupan ahlinya. Walau bagaimanapun, pola komunikasi yang dipamerkan oleh ibu bapa (orang tua) dengan anak-anak akan turut diwarisi oleh anak-anak mereka dan generasi seterusnya (Chong Wai Leng, 1998). Oleh itu, peranan ibu bapa sangat penting dalam sosialisasi anak-anak mereka melalui pola komunikasi yang dipamerkan kerana ia boleh membawa pelbagai akibat. Justeru kajian pola komunikasi keluarga penting untuk dijalankan.

Instrumen Pola Komunikasi Keluarga

Instrumen pola komunikasi keluarga yang dibangunkan oleh McLeod dan Chaffee pada 1973 terdiri daripada soalan komunikasi keluarga yang berorientasikan isu dan berorientasikan sosial. Kedua-dua

bentuk orientasi isu dan orientasi sosial mempunyai tujuh item. Hal ini bermakna FCP mempunyai 14 item. Narimah (1993) telah mengaplikasikan instrumen ini dalam kajiannya berkaitan pola komunikasi keluarga pada keluarga di bandar dengan di luar bandar. Keputusan kajian mendapati nilai alpha bagi instrumen pola komunikasi keluarga ialah 0.82 bagi orientasi isu manakala 0.80 bagi orientasi sosial. Hasil kajian menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan pengukur FCP adalah baik.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Bindah dan Md Nor (2010) dengan menggunakan pengukuran FCP untuk mengukur hubungan antara tingkah laku sebagai pengguna dengan komunikasi keluarga menunjukkan nilai Alpha Cronbach bagi orientasi isu adalah pada 0.77 dan orientasi sosial pula pada 0.80. Secara keseluruhannya, nilai Alpha Cronbach semua item FCP adalah kurang daripada 0.70. Jadual 1 memuatkan item-item bagi FCP.

Jadual 1: Item-item orientasi isu dan orientasi sosial dalam borang soal-selidik kajian

No.	Item-Item Orientasi Isu
1.	Dalam keluarga, kami selalu berbicara tentang perkara seperti politik dan agama walaupun terdapat ahli yang tidak bersetuju dengan pendapat ahli keluarga yang lain.
2.	Setiap ahli keluarga perlu mempunyai pandangan dalam membuat keputusan dalam keluarga
3.	Ibu bapa akan bertanya pendapat saya apabila kami sedang membincangkan sesuatu.
4.	Saya boleh memberitahu ibu bapa saya tentang semua perkara.
5.	Ibu bapa saya menggalakkan saya mencabar idea dan kepercayaan mereka
6.	Saya seronok berbicara dengan ibu bapa, walaupun kami tidak bersetuju tentang sesuatu perkara.
7.	Ibu bapa saya selalu berkata "awak mesti melihat kebaikan dan keburukan sesuatu isu".
No.	Item-Item Orientasi Sosial
8.	Ibu bapa saya selalu berkata "awak akan lebih memahami sesuatu perkara apabila awak dewasa nanti."

9	Ibu bapa saya selalu berkata “idea saya betul dan awak tidak sepatutnya mempersoalkannya.”
10	Ibu bapa saya selalu berkata “anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua.”
11	Ibu bapa saya selalu berkata “ada sesetengah perkara yang kita tidak boleh bincangkannya.”
12	Ibu bapa saya selalu berkata “awak tidak sepatutnya berhujah sehingga membuatkan orang marah.”
13	Keluarga mengharapkan saya patuh tanpa menyoal apabila melibatkan perkara penting
14	Apabila ibu bapa saya tidak bersetuju tentang sesuatu, mereka tidak ingin mengetahui tentangnya.

Pada tahun 1990, pengukuran pola komunikasi keluarga telah dikembangkan sebagai RFCP. Dalam instrumen RFCP, orientasi perbualan adalah terma dari orientasi isu manakala orientasi keakuran adalah terma dari orientasi sosial. Item-item di bawah RFCP adalah sebanyak 26 item iaitu 15 item di bawah orientasi perbualan (No.1 – No.15). Manakala, 11 item lagi adalah di bawah orientasi keakuran (No.16 – No.26). Kesemua soalan dalam bahagian ini berbentuk lima pilihan menggunakan skala Likert bermula dari skala 1 “sangat tidak setuju” sehingga skala 5 untuk pilihan “sangat setuju.” Antara soalan orientasi perbualan adalah “Ibu bapa akan bertanya pendapat saya apabila kami sedang membincangkan sesuatu” dan “Saya seronok berbicara dengan ibu bapa, walaupun kami tidak bersetuju tentang sesuatu perkara”. Nilai Alpha Cronbach bagi skala orientasi perbualan pada kajian lalu ialah 0.79 (Narimah *et. al.*, 2008). Bagi kajian ini ialah 0.82. Nilai Alpha Cronbach antara 0.6 hingga 1.0 menunjukkan sesuatu instrumen pengukuran itu adalah baik dan sesuai digunakan dalam sesuatu kajian (Field, A.P 2004).

Selain itu, soalan orientasi keakuran terdiri daripada soalan seperti berikut ini seperti “Keluarga mengharapkan saya patuh tanpa menyoal apabila melibatkan perkara penting”; “Dalam keluarga, ibu bapa selalu memberi kata putus tentang semua perkara” dan “Ibu bapa berkata, anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua”. Nilai Alpha Cronbach bagi skala orientasi keakuran pada kajian lalu

ialah 0.82 (Narimah *et. al.*, 2008). Bagi kajian ini nilainya adalah 0.76. Walaupun nilai alpha berbeza dari kajian terdahulu, namun pengukuran ini baik dan sesuai digunakan memandangkan nilai Alpha Cronbach menunjukkan lebih dari 0.6 (Field, A.P 2004). Item-item dalam instrumen RFCP dapat dirujuk dalam perbincangan pada analisis kesahan dan kebolehpercayaan instrumen.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk borang soal selidik untuk mendapatkan pandangan atau persepsi responden bagi membolehkan pengkaji berpeluang untuk mengenalpasti masalah yang berlaku dalam sebuah institusi kekeluargaan di Malaysia. Bagi memastikan borang kajian soal selidik ini menepati dengan permasalahan yang diuji dalam kajian ini, penulis telah menjalankan tiga pendekatan '*validity*' iaitu *content validity*, *face validity*, dan *criterion validity*. Menurut Zainudin & Mahadzirah (2015), tiga pendekatan *validity* itu mampu menghasilkan borang kajian soal selidik yang berkualiti dan akhirnya turut memberi impak yang signifikan terhadap kajian yang ingin dijalankan.

Ketiga-tiga pendekatan *validity* itu merujuk kepada struktur borang kajian soal selidik yang digunakan untuk mengumpul data. *Content validity* adalah persoalan yang dikemukakan bagi mendapatkan respon atau pandangan daripada sasaran responden. Pada peringkat itu pengkaji perlu memastikan persoalan yang cuba diketengahkan itu berkaitan dengan permasalahan sesuatu kajian agar maksud kenyataan itu tidak menimbulkan kekeliruan yang mengundang kepada pelbagai interpretasi. Oleh itu, borang kajian itu perlu mendapatkan pengesahan dan sokongan daripada pengkaji yang pakar dalam bidang yang berkaitan sebagaimana turut digunakan dalam kajian ini. Sekiranya borang soal selidik itu berpandukan kepada teori yang telah diterbitkan, pengkaji boleh mengubahsuai borang itu mengikut kajian yang dibincangkan. Dengan kata lain, *customization of questionnaire* digunakan.

Seterusnya, *face validity* dijalankan bagi memastikan kenyataan yang dibincangkan dalam borang kajian itu mudah difahami oleh responden yang disasarkan. Pengkaji boleh mendapatkan kepakaran daripada pemikir dalam bidang bahasa atau psikologi bagi memastikan borang kajian yang dibina itu lebih telus dan sesuai untuk responden. Akhir sekali, *criterion validity* dilaksanakan untuk mengukur tahap persetujuan responden terhadap setiap kenyataan yang dikemukakan. Kajian yang melibatkan kaedah kuantitatif berparametrik memerlukan skala ukuran yang lebih luas bagi menepati syarat statistik yang ditetapkan. Selain itu, kajian yang dijalankan itu dapat mengelakkan *common method bias*. Dalam kajian ini, borang soal selidik menggunakan skala Likert 10 mata bermula dari (1) untuk “sangat tidak setuju” sehingga (10) “sangat setuju.” Skala Likert membolehkan responden menilai tahap persetujuan mereka berdasarkan kenyataan yang dipersembahkan.

Kajian ini menggunakan salah satu bentuk pensampelan kebarangkalian iaitu pensampelan berstrata bagi membolehkan kaedah parametrik dilaksanakan. Pensampelan telah ditumpukan di tiga buah bandar Kota Bharu, Kuantan, dan Kuala Terengganu. Kumpulan sasaran bagi kajian ini adalah pelajar tingkatan empat. Jumlah pensampelan kajian adalah sebanyak 1,232 orang yang terdiri daripada 621 orang pelajar lelaki dan 611 orang pelajar perempuan. Pada permulaannya, sebanyak 1,300 borang soal selidik telah dicetak untuk diagihkan kepada kumpulan sasaran itu. Punca utama borang itu tidak dapat dipungut lengkap adalah disebabkan kesibukan aktiviti di beberapa buah sekolah sehingga menyukarkan mereka untuk memberi komitmen sepenuhnya. Kajian ini telah menggunakan 360 sampel lebih besar daripada yang dicadangkan oleh Vivian (2002).

Seterusnya, data daripada borang kajian yang diperolehi itu dimasukkan ke dalam perisian SPSS bagi menjalankan analisis ke atas data yang dipungut. Kebiasaannya, analisis kebolehpercayaan diuji melalui Alpha Cronbach untuk menentukan tahap kebolehpercayaan borang kajian itu. Menurut Nunally (1978), tahap kebolehpercayaan yang paling minimum adalah sebanyak 0.70 sebagaimana turut diperakui oleh mana-mana terbitan sebelumnya.

Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan (*reliability*) merupakan ukuran keupayaan sesuatu instrumen menyelidikan dalam mengukur pemboleh ubah kajian secara konsisten setiap kali digunakan pada masa dan tempat yang berlainan (Hayea, 2000).

Kaedah uji dan uji kembali (*test retest*) merupakan kaedah yang digunakan untuk menentukan pengukuran pekali kebolehpercayaan sesuatu instrumen. Dengan kaedah ini, instrumen tersebut akan dinilai berulang kali kepada kumpulan sampel yang sama tetapi pada masa yang berlainan (Hayea, 2000; Sulaiman, 2003).

Analisis kebolehpercayaan yang digunakan ialah berdasarkan nilai Alpha Cronbach yang mengukur konsisten dalaman instrumen. Kaedah Alpha Cronbach direka bentuk oleh Cronbach (1946) untuk mengukur item dalam skala pelbagai pilihan (*multiplepoint scale*). Oleh kerana pola komunikasi keluarga adalah bersifat *multiplepoint scale*, jadi kajian ini telah menggunakan prosedur Cronbach Alpha. Nilai pekali Alpha Cronbach antara 0.6 hingga 1.0 menunjukkan bahawa sesuatu instrumen pengukuran itu baik dan sesuai digunakan dalam sesuatu kajian (Zaidatul *et. al.*, 2003).

Keputusan kajian menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan bagi pemboleh ubah yang dikaji adalah tinggi dan baik kerana nilainya antara 0.70 dan 0.80. Jadual 2 dan 3 menunjukkan nilai Alpha Cronbach keseluruhan untuk pola komunikasi keluarga. Hasil analisis menunjukkan bahawa soal selidik boleh diterima pakai untuk kajian.

Jadual 2: Nilai Alpha Cronbach (α) bagi setiap item instrumen RFCP Orientasi Perbualan

No.	Item-item RFCP	Alfa Cronbach (α)
Orientasi Perbualan		
1.	Dalam keluarga, kami selalu berbicara tentang perkara seperti politik dan agama walaupun terdapat ahli yang tidak bersetuju dengan pendapat ahli keluarga yang lain.	0.80
2.	Ibu bapa saya selalu berkata "setiap orang mesti mempunyai pandangan dalam membuat keputusan keluarga".	0.78

3	Ibu bapa akan bertanya pendapat saya apabila kami sedang membincangkan sesuatu.	0.78
4	Ibu bapa saya menggalakkan saya mencabar idea dan kepercayaan mereka.	0.78
5	Ibu bapa saya selalu berkata "awak mesti melihat kebaikan dan keburukan sesuatu isu".	0.80
6	Saya selalu memberitahu ibu bapa apa yang saya fikir tentang sesuatu perkara.	0.80
7	Saya boleh memberitahu ibu bapa saya tentang semua perkara.	0.78
8	Dalam keluarga kami, kami biasa bercakap tentang perasaan dan emosi kami.	0.77
9	Ibu bapa dan saya mempunyai masa yang panjang dan santai untuk berborak.	0.78
10	Saya seronok berbicara dengan ibu bapa, walaupun kami tidak bersetuju tentang sesuatu perkara.	0.77
11	Ibu bapa menggalakkan saya meluahkan perasaan.	0.77
12	Ibu bapa saya cenderung untuk terbuka tentang emosi mereka.	0.78
13	Kami berbincang sebagai sebuah keluarga tentang apa yang kami buat sepanjang hari	0.77
14	Dalam keluarga, kami selalu bercakap tentang perancangan dan harapan masa depan.	0.78
15	Ibu bapa saya suka mendengar pandangan saya walaupun saya tidak begitu setuju dengan pandangan mereka.	0.77

Jadual 3: Nilai Alpha Cronbach (α) bagi setiap item instrumen RFCP Orientasi Keakuran

No.	Item-item RFCP	Alfa Cronbach (α)
Orientasi Keakuran		
16	Ibu bapa saya selalu berkata "awak akan lebih memahami sesuatu perkara apabila awak dewasa nanti."	0.78
17	Ibu bapa saya selalu berkata "idea saya betul dan awak tidak sepatutnya mempersoalkannya."	0.77
18	Ibu bapa saya selalu berkata "anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua."	0.77

19	Ibu bapa saya selalu berkata “ada sesetengah perkara yang kita tidak boleh bincangkannya.”	0.76
20	Ibu bapa saya selalu berkata “awak tidak sepatutnya berhujah sehingga membuatkan orang marah.”	0.77
21	Keluarga mengharapkan saya patuh tanpa menyoal apabila melibatkan perkara penting	0.77
22	Apabila ibu bapa saya tidak bersetuju tentang sesuatu, mereka tidak ingin mengetahui tentangnya.	0.80
23	Ibu bapa saya merasakan penting untuk menjadi ketua.	0.76
24	Apabila ibu bapa saya tidak bersetuju tentang sesuatu, mereka tidak ingin mengetahui tentangnya.	0.80
25	Ibu bapa saya kadang-kadang menjadi marah apabila pandangan saya berbeza daripada mereka.	0.77
26	Apabila berada di rumah, saya diharapkan patuh kepada peraturan ibu bapa.	0.79

Secara khususnya, analisis kebolehpercayaan itu diteruskan dengan membuat perbandingan kebolehpercayaan semasa kajian rintis dan kajian sebenar. Hal ini demikian kerana pengkaji berhasrat untuk memastikan pemboleh ubah yang digunakan itu bersesuaian dengan hasrat kajian ini. Buktinya, Jadual 4 menunjukkan keputusan perbandingan kebolehpercayaan itu. Berdasarkan keputusan yang diperoleh itu, kajian sebenar dan kajian rintis menunjukkan keputusan yang memuaskan.

Jadual 4: Rumusan analisis kebolehpercayaan instrumen

Pemboleh ubah	Nilai Alpha Cronbach (α)	
	Kajian rintis	Kajian sebenar
Pola komunikasi keluarga	0.80	0.84
Orientasi perbuahan	0.83	0.82
Orientasi keakuran	0.77	0.76


Kesahan Instrumen

Keperluan Alpha Cronbach untuk menentukan kebolehpercayaan sesuatu pemboleh ubah tidak lagi mencukupi selagi tiada analisis seperti Analisis Faktor Pengesahan (AFP). Malah ada sesetengah pengkaji menyifatkan analisis AFP adalah satu kemestian untuk menentukan kebolehpercayaan dan kualiti pemboleh ubah itu sebelum hubungan bagi setiap pemboleh ubah itu diuji. Melalui pendekatan AFP, pengkaji dapat mengenalpasti kelemahan yang wujud dalam pemboleh ubah itu.

AFP sebenarnya merupakan sebahagian teknik dalam Structural Equation Modeling (SEM) yang boleh digunakan untuk mengesahkan teori sesuatu kajian. Dalam SEM, terdapat dua jenis model perlu diketahui umum iaitu model ukuran dan model berstruktur. Model ukuran hanya boleh digunakan apabila melibatkan kajian yang berhasrat untuk meningkatkan kualiti sesebuah model seperti pendekatan AFP. Pada peringkat ini, pengkaji boleh membuat item yang membawa *factor loading* yang rendah kerana dipercayai kurang memberi impak kepada pemboleh ubah itu dan sekaligus boleh mencacatkan kualiti model itu. Selain itu, model fit digunakan untuk mengukur sejauhmanakah kesesuaian model itu dengan kajian yang dijalankan. Seterusnya, pendekatan kebolehpercayaan dan kesahan turut dilaksanakan bagi memastikan pemboleh ubah yang digunakan itu bebas daripada *redundancy*.

Setelah AFP selesai, pengkaji boleh meneruskan ke peringkat lain iaitu menggunakan model berstruktur. Model berstruktur itu perlu menyamai dengan rangka kajian yang dicadangkan bagi menentukan hala tuju dan korelasi bagi setiap pemboleh ubah yang digunakan. Dalam kes ini, model berstruktur ini tidak digunakan kerana kajian lebih mengutamakan pendekatan AFP untuk meningkatkan kualiti model itu.

Rajah 1: Analisis Faktor Pengesahan (AFP)



Seperti yang dinyatakan sebelum ini, AFP adalah topik utama kajian ini untuk menilai kebolehpercayaan dan kesahan model yang terbabit. Dalam kes ini, hasil AFP mendapati orientasi perbuahan mengekalkan enam item (B8, B9, B11, B13, B14, and B15) manakala orientasi keakuran mengekalkan empat item (B17, B21, B22, and B23). Kesemua item itu dipercayai membawa makna penting mewakili setiap pemboleh ubah itu. Nilai *factor loading* melebihi 0.60 sebagaimana dicadangkan oleh Zainudin (2015). Bagi tujuan itu, mana-mana item yang membawa nilai *factor loading* kurang daripada 0.60 adalah tidak bersesuaian dengan pemboleh ubah yang dikaji (rujuk Jadual 5). Tambahan pula, nilai *factor loading* dari pola komunikasi Keluarga terhadap setiap dua pemboleh ubah itu turut melebihi 0.60 yang menghasilkan nilai *factor loading* sebanyak 0.84 dan 0.90.

Jadual 5: Orientasi Perbualan dan Orientasi Keakuran

Orientasi Perbualan		
Item	Alpa Cronbach	Factor Loading
B8: Dalam keluarga kami, kami biasa bercakap tentang perasaan dan emosi kami..	0.77	0.80
B9: Ibu bapa dan saya mempunyai masa yang panjang dan santai untuk berborak.	0.78	0.85
B11: Ibu bapa menggalakkan saya meluahkan perasaan.	0.77	0.80
B13: Kami berbincang sebagai sebuah keluarga tentang apa yang kami buat sepanjang hari.	0.77	0.83
B14: Dalam keluarga, kami selalu bercakap tentang perancangan dan harapan masa depan.	0.78	0.82
B15: Ibu bapa saya suka mendengar pandangan saya walaupun saya tidak begitu setuju dengan pandangan mereka.	0.77	0.81
Orientasi Keakuran		
Item	Alpa Cronbach	Factor Loading
B17: Ibu bapa saya selalu berkata "idea saya betul dan awak tidak sepatutnya mempersoalkannya."	0.77	0.89
B21: Keluarga mengharapkan saya patuh tanpa menyoal apabila melibatkan perkara penting.	0.77	0.84
B22: Dalam keluarga, ibu bapa selalu memberi kata putus tentang semua perkara.	0.80	0.86
B23: Ibu bapa saya merasakan penting untuk menjadi ketua.	0.76	0.88

Dalam kajian ini, *second order construct* diadaptasikan kerana dua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakuran adalah sebahagian daripada faktor pola komunikasi keluarga yang mengukur faktor yang sama. Dengan itu, penstrukturan model *second order construct* adalah berbeza dengan penstrukturan model *first order construct*. Bagi menjelaskan prosedur untuk melaksanakan *second order construct* itu, pengkaji perlu menetapkan nilai parameter pada setiap kesan langsung iaitu hala tuju bermula dari pola

komunikasi keluarga terhadap orientasi perbualan dan orientasi keakuran. Nilai parameter yang digalakkan adalah bersamaan 1. Hal ini kerana analisis tidak dapat dihasilkan sekiranya tiada tetapan pada kesan langsung itu.

Seterusnya, model *fit* diambil kira bagi mengetahui sejauh manakah kesesuaian model itu dengan kajian yang dijalankan. Menurut Henseler, *et. al.*, (2016), model yang dianggap baik adalah disebabkan data yang diperoleh itu bersesuaian dengan model yang dicadangkan. Oleh yang demikian, pembentukan borang kajian soal selidik yang baik boleh membantu pengkaji bebas daripada permasalahan data. Dalam SEM, terdapat tiga kategori model *fit* iaitu *parsimonious fit*, *incremental fit* dan *absolute fit*. Ketiga-tiga kategori itu boleh diwakili sekurang-kurangnya satu indeks bagi memastikan model yang diperoleh itu adalah sah bersesuaian dengan teori kajian (Holmes-smith, 2006). Dalam kes ini, pengkaji memilih chi-square dibahagikan *degree of freedom* mewakili *parsimonious fit*; *Root Mean Square Error Approximation* (RMSEA) mewakili *absolute fit*; dan *Comparative Fit Index* (CFI), *Goodness of Fit* (GFI), dan *Adjusted Goodness of Fit* (AGFI) mewakili *incremental fit*. Setiap indeks itu perlu mencapai nilai minimum yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Jenis Indeks

Model Fit	Jenis Indeks	Nilai minimum
Parsimonious Fit	Chisq/df	Kurang daripada 3.0
Absolute Fit	RMSEA	Kurang daripada 0.08
Incremental Fit	CFI, GFI, AGFI	Lebih daripada 0.90

(Sumber: Zainudin, Afthanorhan, & Asri, 2015; Bollen, 1989; Antonakis *et al.*, 2010; Afthanorhan & Ahmad, 2014; Hair *et al.*, 2009)

Setelah model *fit* telah dikenalpasti, analisis berkaitan pendekatan kesahan seperti *convergent validity* digunakan. Selain itu, kajian juga melaksanakan pendekatan *composite reliability* untuk menguji kebolehpercayaan model itu. *Composite reliability* di anggap sebagai pendekatan moden yang bersesuaian dengan mana-mana analisis

berkaitan AFP. Jadual 7 menunjukkan keputusan *composite reliability* dan *convergent validity*.

Jadual 7: *Composite Reliability* dan *Convergent Validity*


Konstruk	<i>Composite Reliability</i>	<i>Convergent Validity</i>
Orientasi Perbualan	0.924	0.670
Orientasi Keakuran	0.924	0.753

(Sumber: Nunally & Bernstein, 1994; Fornell & Larcker, 1981)

Composite reliability adalah pendekatan lanjutan kepada Cronbach Alpha untuk mengukur kebolehpercayaan model yang mengandungi pemboleh ubah gandaan. Model itu dipercayai memuaskan apabila nilai *composite reliability* melebihi 0.70. Sementara itu, *convergent validity* juga perlu ditekankan dalam AFP. Hal ini kerana *convergent validity* membolehkan pengkaji menentukan sejauh manakah nilai varians dapat dikeluarkan dari model yang terlibat melalui *Average Variance Extracted (AVE)*. Nilai AVE melebihi 0.50 menggambarkan model itu mencapai standard piawai kesahan.

Berdasarkan keputusan *factor loading* pada Jadual 5, item B9 dan item B17 dikatakan pemboleh ubah yang paling penting bagi mengukur faktor orientasi perbualan dan orientasi keakuran. Hal ini demikian kerana kedua-dua pemboleh ubah itu membawa nilai *factor loading* yang paling tinggi dalam kalangan setiap faktor itu. Rajah 2 menunjukkan peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan item B9 dan item B17

Rajah 2: Perbandingan Peratusan Responden yang Setuju



Dalam borang soal kajian selidik, item B9 merujuk kepada kenyataan seperti berikut: *“Ibu bapa dan saya mempunyai masa yang panjang dan santai untuk berborak”*

Jika mengikut hasil keputusan peratusan itu, majoriti responden bersetuju dengan kenyataan itu apabila nilai peratusan yang menyokong kenyataan itu adalah lebih tinggi berbanding peratusan yang kurang bersetuju. Hal ini menunjukkan responden menganggap pemboleh ubah itu penting bagi mewujudkan kemesraan antara mereka melalui masa yang diluahkan bersama. Dengan itu, ibubapa seharusnya memainkan peranan yang penting bagi memastikan pengisian masa lapang mereka dapat dimanfaatkan dengan aktiviti-aktiviti yang boleh mengeratkan hubungan mereka. Oleh itu, anak-anak akan merasa lebih selesa untuk berbincang dengan ibubapa mereka sekiranya melibatkan perkongsian masalah yang harus diselesaikan melalui perbincangan.

Sementara itu, item B17 merujuk kepada kenyataan seperti berikut: *“Ibu bapa saya selalu berkata “idea saya betul dan awak tidak sepatutnya mempersoalkannya”*

Dalam hal ini, responden berpendapat penegasan adalah merupakan faktor penting dalam pembentukan sesebuah keluarga. Hal ini kerana komunikasi yang tegas dapat mendidik atau membimbing sesebuah keluarga untuk berada pada landasan yang betul. Selain itu, tindakan sedemikian juga dapat mewujudkan rasa hormat anak-anak kepada ibu bapa mereka dan dengan itu tingkah laku yang mungkin melampaui batas dapat diawasi. Sesetengah ibu bapa sekarang terlalu memanjakan anak-anak mereka dengan memenuhi semua kemahuan dan keperluan anak mereka. Hakikatnya, tindakan ini sebenarnya menyebabkan anak-anak mereka sukar untuk membuat keputusan kelak kerana mereka tidak dibimbing untuk membuat pilihan yang baik. Oleh itu, tidak dinafikan jika banyak kes lari dari rumah dan masalah disiplin di sekolah kerap terpampang dalam media massa dan dikongsi dalam media sosial.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik telah mengemukakan model instrumen pola komunikasi keluarga. Melalui dapatan kajian ini, satu penemuan baru dapat memperkukuhkan lagi instrumen pola komunikasi keluarga. Walaupun instrumen FCP dan RFCP telah diguna pakai secara meluas oleh ramai penyelidik tempatan dan luar negara, namun kajian ini telah membuktikan kepentingan AFP yang dijalankan bagi mengenal pasti bilangan item yang sesuai dan item-item yang benar-benar mewakili setiap dimensi dalam pola komunikasi keluarga. Oleh itu dicadangkan agar item-item dalam pengukuran kajian ini diketengahkan dan dapat diguna pakai oleh penyelidik seterusnya yang mungkin melibatkan faktor-faktor lain yang bersesuaian dengan hasrat kajian. Ini adalah kerana ciri-ciri yang ada dalam item-item orientasi perbualan dan orientasi keakuran perlu diberi perhatian secara mendalam kerana ciri-ciri item-item ini berperanan membangunkan diri anak-anak. Sebagai contoh, “ibu bapa saya suka mendengar pandangan saya walaupun saya tidak begitu setuju dengan pandangan mereka” dan “Dalam keluarga, kami selalu bercakap tentang perancangan dan harapan masa depan”.

Sejajar dengan pandangan tersebut, dapatan ini menyarankan peranan orientasi perbualan dan orientasi keakuran perlu diberi fokus dan diberi penekanan oleh setiap keluarga dan juga pihak yang menggerakkan pelaksanaan pelbagai program berkaitan kekeluargaan, terutama yang melibatkan keluarga dan remaja. Misalnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu membentuk aktiviti yang melibatkan keluarga seperti cara dan kaedah berkomunikasi yang sesuai antara ibu bapa dengan anak dan anak dengan ibu bapa. Hal ini adalah wajar kerana pola komunikasi keluarga akan menentukan corak komunikasi anak-anak dalam masyarakat.

Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bidang komunikasi keluarga adalah bidang yang penting kepada negara dan seharusnya turut diperluaskan cakupannya ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini sejajar dengan masalah yang melibatkan institusi kekeluargaan di negara

ini yang semakin membimbangkan dan boleh menjadi lebih serius pada masa hadapan sekiranya tiada tindakan lanjutan dijalankan oleh pihak berkepentingan dan berkuasa. Dalam kes ini, organisasi media juga seharusnya bekerjasama dengan pihak berkepentingan lain dengan menumpukan kepada penambahan kandungan media yang mengutamakan keharmonian keluarga dan tidak terbatas hanya menyajikan kandungan berbentuk hiburan yang melalaikan. Masalah sosial yang semakin membimbangkan dan memberi kesan kepada kesejahteraan keluarga tentu dapat dibendung dengan adanya kombinasi strategi dan pelaksanaan bersepadu oleh pelbagai pihak berkepentingan.

Rujukan

- Afthanorhan, W. M. A. B. W., & Ahmad, S. (2014). Path Analysis in Covariance-Based Structural Equation Modeling with Amos 18.0. *European Journal of Business and Social Sciences* 2 (6), 10.
- Allison, B.A., & Schultz, J.B. (2004). Parent-adolescent conflict in early adolescence. *Adolescence*. Kedapatan dari: http://findarticles.com/p/articles/mi_m2248/is_153_39/ai_n6142055/. Akses pada 17 Mac 2010.
- Alpa Arora, B. (2008). *Family dynamics & communication patterns in India-American families: Perspectives of second-generation young adults*. Unpublished doctoral dissertation, Alliant International University. Kedapatan dari: *Disertation & Theses: Full Text* (Publication No. ADT 3331906). Akses pada 6 November 2010.
- Antonakis, J., Bendahan, S., Jacquart, P., & Lalive, R. (2010). On making causal claims: A review and recommendations. *The Leadership Quarterly*, 21(6), 1086-1120.
- Ann Yu Lung. (1999). *Parent-adolescent conflict and resolution in Chinese American and Caucasian Families*. Unpublished doctoral dissertation, University of California, Los Angeles. Kedapatan dari: *Disertation & Theses: Full Text* (Publication

- No. ADT 3331906). Akses pada 6 November 2010.
- Aziyah A. Bakar. (2008). *Relationships with family communication patterns of parenting styles and family cohesion*. Unpublished Master's Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Ballard-Reisch, D. S., & Weigal, D.J. (2006). *Established and promising models for family communication research*. Reno: University of Nevada.
- Baxter, L.A., Bylund, C.L., Imes, R.S., & Scheive, D. M. (2005). Family communication environments and rule-based social control of adolescents' healthy lifestyle choices. *Journal of Family Communication*, 5(3), 209-227.
- Bollen, K. A. (1989). A new incremental fit index for general structural equation models. *Sociological Methods & Research*, 17(3), 303-316.
- Braithwaite, D. O., McBride, M. C., & Schrodt, P. (2003). "Parent teams" and the everyday interactions of co-parenting in stepfamilies. *Communication Reports*. 16(2): 93-111.
- Chaffee, S. H., McLeod, J. M., & Atkin, C. K. (1971). Parental influence on adolescent media use. *American Behavioral Scientist*. 14: 323-340.
- Chaffee, S. H., McLeod, J. M., & Wackman, D. B. (1972). Family communications patterns and adolescent political participation. In J. Dennis (Ed.), *Socialization to Politics: A Reader*. N.Y.: Wiley.
- Chan, K., & McNeal, J. U. (2003). Parent-child communications about consumption and advertising in China. *Journal of Consumer Marketing*. 20 (4): 317-334.
- Crespi. T.D., & Sabatelli, R.M. (2002). Adolescent runaways and family strife: A conflict-induced differentiation framework. *Journal of Adolescent*, 28, 112-867.
- Fingerson, L. (2005). Do mothers' opinions matter in teens' sexual activity? *Journal of Family Issues*, 26(7), 947-974.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2009). *Análise multivariada de dados*. Bookman.

- Hayes. (2000). *Doing psychology research*. Philadelphia: Open University Press.
- Henseler, J., Hubona, G., & Ray, P. A. (2016). Using PLS path modeling in new technology research: updated guidelines. *Industrial Management & Data Systems*, 116(1), 2-20.
- Hicks, C. (2000). Adolescent openness to the parental viewpoint in narrative: Longitudinal prediction of adolescent adjustment. Doctoral dissertation, Wilfrid Laurier University.
- Jusang Bolong. (2006). *Kejelekitan sosial komuniti maya dan hubungan interpersonal melalui komunikasi berperantara komputer*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Serdang. Universiti Putra Malaysia.
- Knafo, A., & Schwartz, S.H.(2003). Parenting and adolescents' accuracy in perceiving parental values. *Child Development*, 74(2), 595-611.
- Koerner, A., & Cvancara, K.E. (2002). The influence of conformity on communication patterns in family conversation. *Journal of family communication*, 2, 133-152.
- Koerner, A., & Fitzpatrick, M.A. (2004). Communication in intact families. In A. Vangelisti (Ed.), *Handbook of family communication* (pp. 177-196). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Koestan, J. (2004). Family communication patterns, sex of object, and communication competence. *Communication Monographs*, 71, 226-244.
- McLeod, J. M., & Chaffee, S. H. (1972). The construction of social reality. In L. D. Ritchie, "Family communication patterns: An epistemic analysis and conceptual reinterpretation". *Communication Research*. 18 (4): 548-565.
- Md. Salleh Hassan, Nuraini Kamaruddin, Siti Zobidah Omar, Musa Abu Hassan, Arnida Ayu Che Mee, Zaridah Abdullah & Narimah Ismail. (2009). *Perkaitan antara amalan komunikasi berkualiti dalam keluarga dengan salah laku remaja*. Dalam Prosiding International Seminar Communication & Culture in Southeast Asian Region: Evolution, Development and Challenges. UiTM.

- Miller-Day, M. A. (2004). Communication among Grandmothers, Mothers, and Adult Daughters: A Qualitative Study of Maternal Relationships. *Forum Qualitative Sozialforschung / Forum: Qualitative Social Research*, 7(2), Art. 12.
- Narimah Ismail. (1993). Correlates of concept-oriented and socio-oriented family communication in two Malay communities: A comparative study. Unpublished doctoral dissertation, University of Putra Malaysia.
- Narimah Ismail. (2008). Family communication and decision-making teenagers. In Akmar Hayati Ahmad Ghazali, Jusang Bolong, Siti Zobidah Omar & Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad. *The communication challenges of today*. Serdang: Publisher University of Putra Malaysia.
- Nuredayu Omar, Munif Zarrirudin Fikri Nordin & Che Su Mustafa. (2004). Family communication relationship and deviant behavior. In *Proceedings of the National Seminar on Communication Ke-2*. University of North Malaysia. Pg 55-65.
- Rozumah Baharudin, Siti Nor Yaacob, Rojanah Kahar & Abdullah Al-Hadi Hj Muhammad. (2005). Family dynamics and achievements of their children. Social science monograph series: Publisher University of Putra Malaysia.
- Siu Man, H.A. (2002). *Interpersonal competence, family functioning, and parent-adolescent conflicts*. Unpublished doctoral dissertation, The Chinese University of Hong Kong. Kedapatan dari: Dissertation & Theses: Full Text (Publication No. ADT 3331906). Akses pada 6 November 2010.
- Sulaiman Abdullah. (2002). *Komunikasi di dalam keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Sajilan (2003). *Komunikasi dan keberkesanan organisasi: Penyelidikan dan pembangunan (R & D) di Malaysia*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ting-Toomey, S., & Oetzel, J. G. (2001). *Managing intercultural conflict effectively*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

- Trubisky, P., Ting-Toomey, S., & Lin, S.L. (1991). The influence of individualism-collectivism and self-monitoring on conflict styles. *International Journal of Intercultural Relations*, 15, 65-84.
- Koerner, A.F & Cvanacara, K.E. (2002). The influence of conformity orientation on communication patterns in family conversations. *The Journal of Family communication*, 2(3), 133-152.
- Vivian, J. (2002). *The media of mass communication* (Edisi ke-6). Boston: Pearson Education, Inc.
- Wilson, S.R., & Morgan, W.M. (2004). Persuasion and families. In A. Vangelisti (Ed.), *Handbook of family communication* (p:447). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Wood, J.T.(2004). *Interpersonal communication: Everyday encounters*. Belmont, CA:Thomson Wadsworth.
- Zaidatul Tasir & Mohd Salleh Abu. (2003). *Analisis data berkomputer SPSS 11.5 for windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Zainudin Awang., Afthanorhan, A., & Asri, M. A. M. (2015). Parametric and Non Parametric Approach in Structural Equation Modeling (SEM): The Application of Bootstrapping. *Modern Applied Science*, 9(9), 58.
- Zakiah Jamaluddin. (2010). *Komunikasi ibu bapa dengan anak dan salah laku remaja*. Dalam Prosiding Seminar i.COME International Conference on Communication and Media 2010. Communication and Society: Challenges and Engagements. Melaka. Universiti Utara Malaysia.
- Zhang, Q. (2007). Family communication patterns and conflict styles in Chinese parent-child relationships. *Communication Quarterly*, 55 (1), 113-128.
- Zhang, Y.B., Harwood, J., & Hummert, M.L. (2005). Perceptions of conflict management styles in Chinese intergenerational dyads. *Communication Monographs*, 72, 71-91.

